

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 JANUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1

# CUEPACS dakwa lebih 800,000 penjawat awam kategori miskin

Oleh Siti Haliza Yusop  
dan K Mohana Priya  
bhnews@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kira-kira 800,000 atau hampir separuh daripada 1.62 juta penjawat awam di negara ini menerima gaji bulanan lebih rendah daripada Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), iaitu RM2,208.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, berkata keadaan itu berlaku disebabkan sistem penggajian dan saraan yang diguna pakai ketika ini tidak dikaji atau distruktur semula sejak 2002.

Beliau berkata, penjawat awam gred lantikan 19 masih memperoleh pendapatan di bawah RM2,000 sebulan meskipun selepas mengambil kira Bantuan Sara Hidup

(COLA), Imbuhan Tetap Perumahan dan Elaun Khidmat Awam.

Berikutan itu, Adnan menggesa kerajaan menyetujui kajian semula sistem penggajian dan saraan ketika ini yang disifatkannya sudah tidak sesuai dengan kenaikan kos sara hidup yang terpaksa ditanggung penjawat awam.

Nasional 3

Daripada 1.62 juta penjawat awam ketika ini, 800,000 daripadanya tergolong dalam kategori B40 iaitu mereka dengan gred 19 yang menerima gaji permulaan RM1,208

Datuk Adnan Mat, Presiden CUEPACS

